



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/06/93 (HQ)

### DUA PREMIS TNB DIGUNA SEBAGAI PPV DAN PUSAT KUARANTIN COVID-19

- TNB tawar premis yang lain sebagai PPV

Dua premis **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** digunakan sebagai fasiliti membendung pandemik COVID-19, selaras dengan usahanya menyokong Pelan Pemulihan Negara di bawah aspek menyelamatkan nyawa.

Sejak 31 Mac 2021, Dewan Kelab Kilat TNB di Pangaspuri TNB di Kapar, Klang, Selangor adalah salah satu daripada Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang memudahkan penduduk sekitar mendapat suntikan vaksin mereka.

1,016 unit di Kolej Kediaman Bestari di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Kampus Sultan Haji Ahmad Shah di Bandar Muadzam Shah, Pahang pula dijadikan Pusat Kuarantin COVID-19 sejak 15 April lalu.

“Penggunaan Dewan Kelab Kilat (TNB) di Kapar dapat membantu menjayakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dengan kemampuan menampung 600 penerima vaksin sehari. Walaupun jumlah ini tidak besar, ianya merupakan tanda komitmen dan sokongan kami terhadap usaha negara meningkatkan kadar vaksinasi rakyat di negara ini,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din.

Menurutnya, kedua-dua premis ini membolehkan TNB semakin dekat dengan komuniti sekitar kerana fasiliti berkenaan bukan sahaja dapat dimanfaatkan warga kerja TNB dan penuntut UNITEN, malah rakyat terutama bagi mendukung keseluruhan program vaksinasi negara.

TNB juga, katanya menawarkan premis TNB yang lain sebagai pusat pemberian vaksin selaras dengan inisiatif berterusan TNB untuk mengurangkan kadar penularan virus.

“Sebagai organisasi yang prihatin terhadap situasi pandemik serta kesannya kepada masyarakat, TNB sentiasa mencari peluang untuk turut serta dalam usaha negara membasmi pandemik COVID-19.”

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama pada Mac 2020, TNB telah menyumbang lebih RM33 juta bagi menjamin kestabilan dan daya harap bekalan elektrik ke lokasi-lokasi kritikal termasuk PPV, Pusat Simpanan Vaksin serta pos kawalan sementara bagi anggota polis dan tentera.

Untuk PPV di Dewan Kelab Kilat di Kapar, TNB telah membuat penambahbaikan pada sistem kawalan di pencawang elektriknya di situ bagi membolehkan pemulihan bekalan lebih pantas sekiranya berlaku sebarang gangguan.

Selain menyelamatkan nyawa, tiga lagi langkah diambil TNB bagi menyokong Pelan Pemulihan Negara melibatkan aspek melindungi golongan rentan; menyediakan bekalan elektrik yang stabil dan memacu pemulihan ekonomi.

Dalam inisatif terbaru melindungi golongan rentan, setakat ini TNB telah berjaya mengumpul lebih RM1.4 juta menerusi potongan gaji secara sukarela warga kerjanya untuk bulan Jun dan Julai. Sumbangan yang dikumpul di bawah Tabung Warga TNB Prihatin ini diagihkan kepada golongan B40 yang terkesan akibat pandemik COVID-19 di Semenanjung.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 Jun 2021, jam 11:45 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Dewan Kelab Kilat Pangsguri Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Kapar, Klang dijadikan sebagai satu daripada Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di daerah Klang sejak 31 Mac 2021.



Sejak 31 Mac 2021, Dewan Kelab Kilat TNB di Pangaspuri TNB di Kapar, Klang, Selangor adalah salah satu daripada Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang memudahkan penduduk sekitar mendapat suntikan vaksin mereka.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din